

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2015/2016

Jun 2016

**HMT 505 - SEMANTIK DAN WACANA BAHASA MELAYU  
LANJUTAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Jawab EMPAT soalan seperti yang berikut:
2. Jawab TIGA soalan daripada Bahagian A.
3. Jawab SATU soalan daripada Bahagian B.
4. Jawab setiap bahagian dalam buku jawapan yang berbeza.

Bahagian A: Soalan WAJIB dijawab.

1. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] Makna perkataan atau ungkapan dalam bahasa ditentukan oleh TIGA faktor yang dinyatakan di bawah. Huraikan [i – iii] berserta contoh yang sesuai.

- [i] Pilihan
- [ii] Budaya sesuatu masyarakat bahasa
- [iii] Konteks

[15 markah]

[b] Huraikan jenis-jenis makna [i] dan [ii] dengan memberikan contoh yang sesuai.

- [i] Makna konkrit
- [ii] Makna abstrak

[10 markah]

2. Jawab soalan [a], [b] dan [c].

[a] Huraikan DUA perkara asas yang dikatakan oleh Evans dan Green (2006: 230) yang sama-sama mendasari Kerangka Semantik Fillmore (1970-an–1980-an) dan Teori Domain Langacker (1987).

[5 markah]

[b] Bincangkan, dengan contoh yang sesuai, kerangka semantik untuk unit leksikal berikut:

- [i] Sabtu
- [ii] balu

[5 markah]

[c] Dengan merujuk kepada matriks domain dan ontologi konseptual, huraikan DUA persamaan DAN/ATAU perbezaan antara Kerangka Semantik Fillmore (1970-an–1980-an) dan Teori Domain Langacker (1987).

[15 markah]

3. Jawab soalan [a] dan [b] dengan menggunakan **Data 1**.

#### **Data 1**

Pada satu ketika dulu, Martha berkejar ke hulu dan ke hilir seperti ayam kena sembelih.

Kini, di tempat kerja, sebagai pengaudit dalaman bagi sebuah perniagaan yang bernilai US\$12 juta, cekap mengendalikan komputer dan memiliki bakat perniagaan yang besar, dia kerap diminta untuk memberikan nasihat oleh pekerja daripada semua tahap tentang pelbagai perkara.

Kini juga, di rumah, sebagai ibu kepada tiga orang anak yang masih bersekolah, dia sentiasa sibuk untuk menghantar dan mengambil anak ke sekolah dan dari sekolah. Pada hujung minggu dan kadang-kadang pada sesetengah malam dia menghantar anak-anaknya ke kelas tuisyen. Dia cuba memasak untuk keluarga sekurang-kurangnya tiga kali seminggu tetapi mendapatinya agak sukar dibuat. Dia mahu bersenam lebih kerap tetapi tidak pernah ada masa untuk melakukannya. Baru-baru ini dia menarik diri daripada kerja sukarela di hospital setempat.

Baru-baru ini, Martha menyertai bengkel "Luangkan Masa". Di situ, dia berpeluang untuk berfikir secara mendalam tentang cara mengurus masanya. Dia terperanjat apabila mendapati bahawa meski pun dia sentiasa bergerak, dia sebenarnya tidak banyak mencapai perkara yang penting baginya.

Di tempat kerja, dia lebih banyak menyelesaikan keutamaan orang, bukan keperluannya sendiri. Dia membuat keputusan untuk memberi tumpuan kepada tanggungjawabnya sendiri dan menyelesaikan masalahnya terlebih dahulu. Dia berpendapat bahawa dia akan mengurangkan "kesuntukan masa"nya dan menghasilkan prestasi kerja yang lebih menguntungkan syarikat dalam jangka panjang.

Di rumah, oleh sebab dia mengetepikan banyak perkara yang penting baginya, dia bercadang meluangkan masa untuk menikmati masa bersama dengan keluarga. Dia juga akan meluangkan masa untuk kerja sukarela yang amat digemarinya.

Bermula dari sekarang, Martha akan mengawal masanya, bukan menjadi hamba masa.

Sumber: Kris Cole (2003: 42–43)

- [a] Merujuk kepada deiksi, bincangkan pernyataan Lewis (1972) yang berbunyi "makna sesuatu (contohnya perkataan dan lain-lain) ditentukan menerusi konsep peluasan". Gunakan mana-mana indeks dan koordinat yang disarankan oleh Lewis (1972) yang terdapat dalam **Data 1** sebagai contoh kepada jawapan anda.
- [6 markah]
- [b] Berdasarkan jawapan dalam [a], jawab soalan [i], [ii] dan [iii].
- [i] Bincangkan peluasan mana-mana TIGA indeks yang berbeza-beza dalam **Data 1**;
- [12 markah]
- [ii] Tunjukkan cara ketiga-tiga indeks ini membantu penentuan tema keseluruhan **Data 1**; dan
- [5 markah]
- [iii] Berdasarkan tema dalam [ii] tentukan tajuk yang sesuai untuk **Data 1**.
- [2 markah]

Bahagian B: Jawab SATU soalan.

4. Dengan menggunakan **Data 2**, jawab soalan [a], [b] dan [c].

Data 2		
putih - hitam	lelaki - perempuan	lelaki - wanita
tua - muda	tanya - jawab	komandan - perajurit
tinggi - rendah	hidup - mati	kakak - adik

- [a] Kelompokkan pasangan antonim dalam **Data 2** mengikut jenisnya.
- [5 markah]
- [b] Berikan huraian bagi setiap jenis antonim tersebut.
- [10 markah]

- 5 -

- [c] Huraikan berserta contoh jenis-jenis golongan kata yang sukar dicari pasangan antonimnya dalam bahasa Melayu.

[10 markah]

5. Jawab soalan [a] dan [b].

- [a] Dengan menggunakan contoh yang sesuai, bincangkan dan bandingkan takrifan metafora oleh Black (1962, 1979) dengan Lakoff dan Johnson (1980, 2003).

[10 markah]

- [b] Dengan menggunakan maklumat dalam **Data 3a** dan **Data 3b** jawab soalan [i] dan [ii].

- [i] Kenal pasti SATU metafora dalam setiap SATU teks yang diberikan. Huraikan metafora-metafora yang anda kenal pasti dengan berdasarkan teori ATAU pendekatan metafora yang bersesuaian.

[10 markah]

- [ii] Persembahkan SATU huraian metafora yang anda huraikan dalam [i] dalam bentuk gambar rajah.

[5 markah]

### Data 3a

KUALA LUMPUR: Harga saham di Bursa Malaysia dibuka lebih tinggi pagi ini di atas paras 1,700, didorong pembelian dalam kaunter utama, kata peniaga. [...] Di papan skor, indeks FBM EMAS naik 18.98 mata kepada 11,742.74, FBM 100 menambah 18.57 mata kepada 11,457.09 dan FBM EMAS Syariah naik 40.80 mata kepada 12,429.01. Bagaimanapun, FBM 70 susut 35.44 mata kepada 12,814.98 manakala FBM ACE naik 11.44 mata kepada 5,707.19. [...] Di kalangan kaunter utama, Maybank jatuh satu sen kepada RM8.82, Petronas Chemicals susut enam sen kepada RM6.79, manakala TNB naik lapan sen kepada RM13.38 dan Public Bank mendatar pada RM18.80. [...] Sumatec menambah satu sen kepada 12.5 sen, manakala Airasia X dan Airasia jatuh setengah sen dan tiga sen setiap satu masing-masing kepada 31 sen dan RM1.66. – BERNAMA

Diubahsuaikan daripada: <http://www.bharian.com.my/node/131771>  
(8 Mac 2016]

### Data 3b

MANCHESTER: Luke Shaw bersedia untuk kembali menjalani latihan bulan depan dan mungkin mampu beraksi semula buat Manchester United pada musim ini. [...]

Pertahanan England itu patah dua tulang kaki kanannya dalam pertembungan Liga Juara-Juara menentang PSV Eindhoven pada September lalu dan pada mulanya timbul kebimbangan betapa dia tidak dapat beraksi lagi musim ini. Tetapi bintang muda berusia 20 tahun itu menunjukkan perkembangan baik sepanjang menjalani sesi pemulihian di Carrington dan kepulangan dalam skuad utama hujung bulan ini tampak tidak mustahil.[...]

Dia juga menjadi pilihan pertama untuk posisi bek kiri England apabila beraksi dalam kempen kelayakan menentang San Marino dan Switzerland. – Agensi

Diubahsuaikan daripada: <http://www.bharian.com.my/node/131873>  
(8 Mac 2016)

6. Mengikut Halliday & Hassan (1976) “Teks mengandungi tekstur dan tekstur inilah yang membezakannya dengan sesuatu yang bukan teks. Tekstur ini disediakan oleh hubungan kohesi”.

- [a] Jelaskan maksud tekstur dan hubungan kohesi sebagaimana yang dinyatakan oleh Halliday & Hassan (1976) di atas.

[5 markah]

- [b] Kenal pasti danuraikan jenis hubungan kohesi [i] hingga [v] dalam **Data 4**.

[13 markah]

**Data 4**

- [i] Anak bujang Karim menetap di Kuala Lumpur kerana menurut bapanya pemuda tersebut tidak betah menetap di kampung.
- [ii] Masukkan mentega ke dalam bekas, campurkan gula dan aduk sehingga sebatи. Begitulah cara membuat biskut mentega.
- [iii] Ayah bekerja berhempas pulas, ibu pun demikian.
- [iv] Walaupun saya lewat, semua kerja saya telah selesai.
- [v] Pada mulanya saya fikir dia seorang yang berhati mulia. Kemudian, barulah saya sedar bahawa dia mempunyai sikap yang sebaliknya.